

# Hari Terbuka USIM Sabtu ini

## **SEREMBAN 10 Sept.**

- Pelbagai acara menarik akan berlangsung sempena Hari Terbuka Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) bermula 9 pagi, Sabtu ini.

Menurut Pengarah Pusat Komunikasi Strategik USIM, Dr. Faizal Kasmani, antara aktiviti menanti pengunjung adalah Larian Amal (Fit USIM Charity Run), Bicara Ikon USIM dan Seminar Kerjaya Pegawai Hal Ehwal Islam.

"Kita turut mengadakan pameran dan gerai jualan, pertandingan, pameran sains, pemeriksaan



**FAIZAL KASMANI**

Faizal berkata, hari terbuka itu bertujuan memberi peluang kepada warga USIM dan juga masyarakat untuk mengenali uni-

kesihatan dan pergigian, aktiviti bersama kanak-kanak, program bersama komuniti, USIM talents search serta bengkel bacaan surah Al-Fatihah.

"Pada malam sebelumnya iaitu Jumaat, kita mengadakan Konsert Malam Cinta Rasul di perkarangan Dewan Tuanku Canselor USIM," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

versiti awam ke-12 tersebut dengan lebih dekat sebagai sebuah institusi pengajian tinggi yang berteraskan gabungan ilmu Islam dan moden.

"Hari Terbuka USIM 2015 ini diharap dapat memperkenalkan USIM sebagai sebuah universiti berteraskan integrasi ilmu Naqli dan Aqli.

"Di samping itu juga diharapkan melalui program ini dakan merapatkan hubungan antara warga USIM dengan pihak luar, memberikan motivasi dan memupuk semangat mencintai USIM serta memberi peluang kepada warga USIM berkongsi hasil pencapaian," ujarnya.

Penganjuran hari terbuka itu dilakukan bersempena sambutan ulang tahun ke-15 USIM.